

16 MAR 1999  
PANTAI-TONGKAH  
PANTAI DAPAT DUA KERUSI DALAM LEMBAGA PHILEO LAND

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Pantai Holdings Bhd berkemungkinan mendapat dua kerusi di dalam lembaga Phileo Land Bhd, di mana ia memiliki 21.49 peratus kepentingan.

"Pantai dan Phileo Land masih mengadakan perbincangan tetapi perlantikan itu dijangka berlaku dalam masa singkat," kata pengerusi eksekutif Pantai Mokhzani Mahathir.

Mokhzani melihat pemaaju hartanah Phileo Land sebagai satu peluang bagi Pantai mencari tanah yang sesuai untuk membina hospital, sambil menambah bahawa mencari tanah yang ideal untuk hospital adalah masalah utama di dalam industri itu.

"Bagaimanapun, belum ada keputusan yang kukuh," katanya semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat agung luar biasa Pantai dan Tongkah Holdings Bhd di sini hari ini.

Mengenai penjualan 51 peratus kepentingan Tongkah di dalam Tongkah Medivest Sdn Bhd (TMSB) kepada syarikat sekutu, Pantai, Mokhzani berkata cadangan urus niaga itu dijangka diselesaikan menjelang akhir bulan ini atau bulan depan, apabila ia dijangka diluluskan oleh kerajaan.

Urus niaga itu memerlukan kelulusan kerajaan kerana Tongkah Medivest telah diberikan konsesi 15 tahun oleh Kementerian Kesihatan bagi penswastaan perkhidmatan sokongan hospital kerajaan di kawasan selatan.

Mokhzani, yang juga pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Tongkah, berkata konsesi itu menyumbang kepada 60 peratus daripada perniagaan Tongkah Medivest dengan bakinya datang daripada sektor swasta. Tambahnya Kementerian Kesihatan telah memberikan kelulusan bagi penjualan itu.

Mokhzani juga berkata Tongkah Medivest menikmati keuntungan sebanyak RM7-RM8 juta setahun dan menjangka ini akan berkembang sebanyak kira-kira 20 peratus dalam beberapa tahun akan datang, terutamanya dengan mengembangkan perniagaannya di sektor swasta.

Beliau yakin bahagian swasta perniagaan Tongkah Medivest akan berkembang lebih tinggi kerana hospital-hospital swasta mencari cara untuk mendapat punca perkhidmatan luar daripada syarikat-syarikat yang boleh memberikan perkhidmatan bermutu pada kos lebih rendah.

Pantai membelanjakan kira-kira RM62.65 juta untuk memiliki 100 peratus kepentingan di dalam Tongkah Medivest, termasuk RM35.7 juta yang telah dibayar kepada Tongkah untuk 51 peratus kepentingannya. Bakinya akan dilunaskan dengan memiliki saham daripada pemegang-pemegang saham Tongkah Medivest.

Mokhzani berkata beliau terlibat oleh pengumuman Bursa Saham Kuala Lumpur baru-baru ini mengenai menghadkan bilangan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh seseorang itu.

Sementara bilangan jawatannya di dalam syarikat-syarikat senarai awam adalah di dalam had itu, katanya jawatan pengarah di dalam syarikat-syarikat lain adalah lebih daripada had ditetapkan.

BSKL baru-baru ini mengumumkan bahawa pengarah sesebuah syarikat senarai awam hanya boleh memegang 10 jawatan pengarah syarikat-syarikat senarai awam dan 15 pengarah syarikat-syarikat lain.

Bagaimanapun, Mokhzani yakin ia tidak menjejaskan Tongkah dan Pantai sungguhpun beliau akan meletak jawatan daripada sesetengah anak syarikat kedua-dua syarikat itu.

Mengenai Tongkah, yang menanggung pinjaman sebanyak RM702.83 juta

sehingga 31 Okt, 1998, Mokhzani berkata ia akan mengadakan skim penyusunan semula yang ia harap akan diterima oleh pemiutang-pemiutang.

Urusan penyusunan semula itu akan meletakkan Tongkah di atas asas kewangan yang kukuh, tetapi beliau tidak dapat menjelaskan skim itu.

Katanya Tongkah juga mahu menukar pinjamannya, yang kini mengandungi 70 peratus pinjaman jangka pendek, menjadi pinjaman jangka panjang.

-- BERNAMA

MSL LPS OS